

Selangor siasat dakwaan bahagian amal politik wang

BH 14 MAR 2000

KLANG, Isnin ▸ Badan Perhubungan Umno Selangor sedang menyiasat dakwaan wujud politik wang di kalangan pihak tertentu peringkat bahagian untuk mendapatkan pencalonan bagi jawatan tertinggi dalam parti.

Menteri Besar, Datuk Seri Abu Hassan Omar, berkata beliau ada menerima aduan tidak rasmi mengenai perkara itu dan sudah mengarahkan bahagian berkenaan membuat siasatan.

Katanya, setakat ini beliau hanya mendengar satu bahagian yang menggunakan wang untuk mendapatkan pencalonan tetapi enggan mendedahkan bahagian terbabit selagi siasatan belum selesai.

Difahamkan bahagian berkenaan dijadual mengadakan

mesyuarat perwakilan pada 19 Mac depan.

Bahagian yang akan mengadakan mesyuarat pada tarikh itu ialah Kapar, Hulu Selangor, Sabak Bernam, Serdang, PJ Selatan, PJ Utara, Klang, Hulu Langat dan Kuala Langat.

Abu Hassan berkata, beliau berharap ahli Umno tidak teragak-agak membuat laporan mengenai perbuatan salah laku seperti itu kepada Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin parti kerana menggunakan wang bagi mendapatkan pencalonan melanggar kod etika parti.

"Jika siasatan mendapati benar terdapatnya penggunaan wang, terpulang kepada Jawatankuasa Disiplin dan Pengurusan Parti untuk meneruskan siasatan dan me-

ngambil tindakan lanjut.

"Saya sendiri sudah berkali-kali memberitahu pemimpin dan ahli parti supaya menjauhi amalan yang tidak beretika ketika proses pencalonan untuk pemilihan MT pada 11 Mei ini, tetapi isu penggunaan wang timbul lagi," katanya selepas majlis penganugerahan darjah dan pingat kebesaran serta Watikah Jaksas Pengaman oleh Pemangku Raja Selangor, Tengku Idris Shah sempena Ulang Tahun Keputeraan Sultan Selangor ke-74 di sini, hari ini.

Abu Hassan berkata, penggunaan wang dalam parti adalah amalan tidak sihat dan tindakan tegas perlu diambil terhadap mereka terbabit.

Berikutan itu, beliau mengarahkan pemimpin peringkat

kat bahagian dan ahli yang didekati mana-mana pihak bagi menawarkan wang untuk mendapatkan pencalonan supaya melaporkan segera perkara itu kepada Badan Perhubungan Umno negeri atau Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin parti.

Ditanya mengenai enam bahagian yang mengadakan mesyuarat perwakilan semalam, Abu Hassan berkata, beliau berpuas hati kerana mesyuarat itu berjalan lancar dengan semua bahagian mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi masing-masing untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden.

Mengenai jawatan Naib Presiden, katanya, Sepang, Kuala Selangor, Ampang

Jaya dan Tanjung Karang mencalonkan beliau, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Datuk Seri Abdul Ghani Othman manakala Subang dan Selayang mencalonkan beliau, Najib and Tan Sri Muhammad Muhammad Taib.

Menurutnya, Badan Perhubungan Umno negeri juga akan mengadakan mesyuarat malam ini bagi membincangkan mengenai keputusan mesyuarat kelmarin serta perancangan membantu Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya kecil Sanggang di Pahang.

Katanya, Selangor dijangka menghantar kira-kira 170 orang iaitu 10 orang daripada setiap 17 bahagian Umno bagi membantu memastikan kemenangan besar BN di Sanggang.